



[Home](#) / [2024](#) / [October](#) / Selangkah Ke Dunia Baharu – Pengurusan Masa yang Efektif Untuk Pelajar Baharu

BERITA GRU2025 SDG

16/10/2024 / Syaquina Shamsudin



4 Oktober 2024, Bertam – Pada hari terakhir program Minggu Destini Siswa (MDS), pelajar-pelajar baharu Fakulti Sains Kesihatan (FSK) UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bertam telah diberikan sedikit perkongsian berkenaan tips dan strategi pengurusan masa yang efektif.

Sesi ini telah dimulai dengan pengenalan oleh Ketua Pusat Pengajian Fakulti Sains Kesihatan, Ts. Dr. Muhammad Nabil Fikri Roslan, diikuti sesi perkongsian oleh Puan Norsyaqina Shamsudin, pensyarah serta Penyelaras Program Pemulihan Cara Kerja. Sesi ini telah dihadiri kira-kira 270 pelajar yang terdiri daripada program-program kejururawatan, teknologi makmal perubatan, Kesihatan persekitaran, fisioterapi dan juga pemulihan cara kerja.

Mengupas topik berkaitan pengurusan masa adalah sangat penting untuk kepada para pelajar, terutamanya bagi mereka yang baharu memnginjak ke alam universiti. Ini kerana pengurusan masa yang baik dapat memastikan para pelajar dapat mengurangkan stress, terutamanya apabila mereka sedang mengalami proses peralihan daripada alam persekolahan ke kehidupan sebagai pelajar universiti. Antara manfaat-manfaat yang dapat diperoleh dari pengurusan masa yang baik termasuk dapat menyelesaikan tugas dalam masa yang telah ditetapkan secara efektif, mengelakkan ketangguhan, penghantaran kerja dengan kualiti terbaik serta mempunyai masa yang cukup untuk melibatkan dalam aktiviti sihat yang pelbagai selain akademik.

Para pelajar telah disarankan untuk mengambilkira tips dan strategi seperti membuat jadual waktu harian, penggunaan alat visual untuk menentukan perkembangan tugas, serta penggunaan peranti yang mempunyai fungsi “timer” agar mereka dapat memanfaatkan masa yang telah diagihkan dengan kadar yang paling berkesan. Diharapkan agar semua pelajar baharu mendapat manfaat melalui perkongsian ini, dan bersedia dengan penuh dalam menjalani kehidupan sebagai pelajar Universiti.



Tags: [Fakulti Sains Kesihatan](#), [Kampus Berani Pengurusan Masa](#), [MDS](#), [MINGGU DESTINI SISWA](#), [Time Management](#), [UiTM CPP](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

[← Parlimen Mahasiswa Pemangkin Mahasiswa Berkepimpinan](#)

[Syarahan Antarabangsa Akademik Pensyarah UiTM di Universiti Shanxi, China >](#)

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul
Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

